

27 SEP 1997

Anwar-Arkitek

ANWAR MAHU ARKITEK TURUT PENTINGKAN NILAI KEMASYARAKATAN

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim malam ini menyeru arkitek-arkitek supaya menggunakan imaginasi kreatif mereka dalam memastikan rekabentuk perumahan di bandar-bandar mengutamakan kehidupan bermasyarakat.

" Pada puratanya penduduk bandar tidak mengenali jiran mereka walaupun mereka tinggal dalam deretan rumah yang hanya dipisahkan oleh dinding yang nipis," kata beliau di majlis makan malam tahunan Persatuan Arkitek Malaysia di sini, malam ini.

"Dengan negara kita terus maju, kita mahukan taraf kehidupan yang lebih baik. Cabaran besar kepada arkitek ialah bukan sahaja merekabentuk kediaman, tetapi juga membentuk masyarakat yang sihat," kata Anwar.

Beliau berkata, rumah di bandar bukan sahaja harganya mesti berpatutan, ia juga mesti membawa semangat kemasyarakatan di antara jiran-jirannya.

Dalam bergerak ke arah masyarakat bermaklumat, pendekatan kepada perancangan bandar, rekabentuk dan senibina akan berubah kepada sesuatu yang lebih canggih seperti apa yang ada sekarang.

Anwar berkata, pembangunan bandar juga perlu mengambil kira keperluan infrastruktur maklumat.

Anwar berkata, teknologi baru dalam pengangkutan, pengeluaran tenaga dan pengendalian sampah akan memberi kesan kepada konsep perancangan.

Beliau menyeru arkitek-arkitek supaya tidak hanya memikirkan kepentingan sendiri dan dan mahu mereka mengutamakan pembangunan manusia.

"Saya akan menggalakkan persidangan-persidangan, penyelidikan dan inisiatif pembangunan serta pertandingan dan pameran untuk mendedahkan lagi bidang senibina," kata beliau.

Di majlis itu, Anwar dianugerahkan keanggotaan kehormat ketujuh Persatuan Arkitek Malaysia (PAM), yang diberikan kepada mereka yang berminat dengan senibina serta seni dan sains yang berhubung kait dengannya.

Sejak kewujudan persatuan itu selama 30 tahun, anugerah itu hanya diberikan kepada enam individu sahaja antaranya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

Sebelum itu, presiden persatuan itu P. Kasi berkata, kajian semula proses pembangunan di negara ini perlu dibuat untuk menyesuaikan diri dengan perubahan di negara ini.

"Sebagai contoh untuk menampung situasi sekarang, adakah penempatan padat lebih baik ataupun penempatan padat boleh diwujudkan dengan lebih banyak ruang dan kemudahan demi persekitaran kehidupan lebih baik di bandar?," tanya beliau.

Anwar juga menyampaikan anugerah kepada pemenang-pemenang Anugerah Senibina PAM 1997" dalam kategori bangunan industri, bangunan komersil, bangunan institusi, bangunan hotel/pusat percutian dan rekabentuk dalaman.

-- BERNAMA

NZ PR